

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

PERINTAH HARIAN

ISNIN, 26 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 16 MAC 2026M

PH05/01/2026

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL151] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika kementerian mempunyai perancangan untuk menerapkan dalam kurikulum topik berkaitan mengenai institusi negara, termasuk Majlis Mesyuarat Negara dan peranannya, khususnya dalam komponen sedia ada dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) ?

- 2) **[PL127] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha dan perancangan kementerian untuk memperkukuh pelaksanaan Akta Pendidikan Wajib dan Dasar Pendidikan Inklusif bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) termasuk kapasiti, nisbah guru dan kemudahan, bagi memastikan pendidikan inklusif dapat dilaksanakan secara saksama di semua daerah?

- 3) **[PL015] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika terdapat independent review bagi mengukur keberkesanan *Model Inclusive Schools (MIS)* dan *Centre of Excellence (COE)* terutamanya segi economies of scale, kecukupan nisbah guru-pelajar, kemahiran guru serta penambahbaikan sistem yang diperlukan, mengambilkira peningkatan jumlah pelajar berkeperluan khas.

-
- 4) **[PL064] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan dasar pendidikan inklusif bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas samaada memenuhi keperluan termasuk dari segi prasarana, tenaga guru yang mahir dan individualized learning yang sepatutnya disediakan?
 - 5) **[PL038] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah memulihara bangunan sekolah di Kampong Ayer bagi memastikan struktur bangunan sentiasa selamat dan sesuai digunakan di jangka masa panjang?
 - 6) **[PL011] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan kerjasama Jabatan Tenaga dengan Institusi Pengajian Tinggi dan *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* (ERIA) dalam penetapan energy mix (bahan api fosil, tenaga boleh diperbaharui dan import tenaga) yang optimum dengan mengambil kira risiko dan peluang untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang?
 - 7) **[PL099] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan kementerian dalam pembangunan tenaga alternatif sebagai sebahagian daripada campuran tenaga nasional?
 - 8) **[PL087] : Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan bagaimanakah keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pemeliharaan hutan diuruskan dalam perancangan guna tanah negara?
 - 9) **[PL104] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah pencapaian terkini dalam aspirasi "negara bersih dan bumi hijau" dan petunjuk aras (*benchmark*) atau KPI yang digunakan untuk mengukurnya?
 - 10) **[PL161] : Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan kementerian dalam penyediaan lebih banyak kemudahan komputer kepada sekolah-sekolah atau lab komputer untuk digunakan bagi mengajar mata pelajaran IT ?

-
- 11) **[PL076] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dalam memastikan kadar tarif elektrik berdaya saing dan berpatutan bagi pengguna golongan berpendapatan rendah?
 - 12) **[PL054] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** mengongsikan analisa terkini terhadap jurang antara pertumbuhan kos sara hidup (*cost of living*) dan pertumbuhan pendapatan sebenar (*income*) rakyat, khususnya bagi yang berpendapatan sederhana dan rendah? Bagaimanakah dasar fiskal serta struktur gaji boleh diselaraskan, agar tekanan kos tidak memberi kesan kepada daya beli dan produktiviti tenaga kerja tempatan?
 - 13) **[PL035] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika JPA telah menilai kesan sistem persekolahan integrasi terhadap waktu keluar masuk kakitangan kerajaan termasuk jika ada terjejas kelancaran tugas, keberkesanan operasi pejabat serta mutu perkhidmatan awam?
 - 14) **[PL023] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian Skim Perkhidmatan Guru (SPG) termasuk bilangan guru yang telah dinaikkan pangkat dan apakah cabaran utama dalam pelaksanaannya?
 - 15) **[PL042] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju masa depan sistem pendidikan negara dan bagaimanakah kejayaan hala tuju tersebut ditentukan, agar pelaburan besar dalam pendidikan benar-benar menghasilkan nilai sosial, ekonomi dan nasional yang berkekalan?
 - 16) **[PL141] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika kementerian melaksanakan audit komprehensif seperti melalui *Feature Analysis Model* bagi menilai keberkesanan program IPT dan TVET berdasarkan data Tinjauan Tenaga Kerja 2024 yang menunjukkan seramai 5,000 orang adalah lepasan IPT dan TVET?

-
- 17) **[PL063] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pekerjaan yang akan wujud dan kursus-kursus yang sedang dan akan diadakan bagi memenuhi keperluan penyediaan tenaga kerja menuju Wawasan Brunei 2035?
- 18) **[PL081] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana cara pencapaian pelajar dalam aspek nilai sivik dan sahsiah dinilai dan diukur secara menyeluruh dan holistik, yang bukan hanya melalui peperiksaan?
- 19) **[PL039] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian Pendidikan bagi memastikan sistem persekolahan integrasi tidak menjejaskan akses pendidikan bagi pelajar berkeperluan khas, tidak kira perbezaan agama khususnya dari segi penyesuaian kurikulum, penyediaan bahan pengajaran, serta mekanisme pemantauan hasil pembelajaran?
- 20) **[PL043] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca sebahagian pelajar masih lemah dalam penguasaan kemahiran asas pembelajaran pada peringkat awal persekolahan, termasuk literasi, numerasi dan kefahaman? Apakah pembaharuan telah dilaksanakan bagi memastikan asas pendidikan diperkukuh sebelum pelajar melangkah ke peringkat seterusnya?
- 21) **[PL068] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana kerajaan merangka dasar ekonomi hijau bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu, menggalakkan inovasi tempatan serta melindungi alam sekitar dalam jangka panjang?
- 22) **[PL086] : Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan harga barang keperluan asas di negara ini dan bagaimana tahap pendapatan rakyat diselaraskan dengan isu kenaikan kos sara hidup?

- 23) **[PL129]** : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah protokol kontingensi antara agensi yang tersedia untuk mengurus kejutan kualiti air akibat iklim (contohnya, pencucian asid, lonjakan kekeruhan)? Sejauhmana ianya diuji atau disimulasikan setiap tahun?

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbincangan berkenaan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027), 2026

DAN

Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam

4. PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

- 1) **[PT052]** : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah kementerian bagi memastikan penyediaan yang mencukupi, termasuk pengesanan awal, intervensi dan sokongan berterusan, dalam menangani peningkatan kes autisme di negara ini?
- 2) **[PT001]** : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan status Tatacara Penghapusan Harta Benda Kerajaan (1983) dari Kira-kira dalam mempercepatkan proses penghapusan peralatan pejabat dan barang-barang teknikal yang menggunakan teknologi dalam proses permohonan, pemeriksaan dan pengesahan? Perkara ini juga untuk mengelakkan pembaziran ruang penyimpanan dan pembinaan stor baru yang dipohonkan oleh institusi dan kementerian.

-
- 3) **[PT011] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauh manakah keberkesanan strategi pasaran buruh dan pembangunan kemahiran sedia ada digunakan dalam meningkatkan kualiti pekerjaan, produktiviti tenaga kerja dan kesepadanan kemahiran yang menyokong ekonomi yang lebih dinamik dan berdaya tahan?
 - 4) **[PT017] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan cabaran utama dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang terhadap hasil fiskal, pekerjaan dan produktiviti sekiranya corak pelaburan semasa kekal? Apakah langkah mitigasi, indikator pemantauan serta sektor alternatif yang telah dikenalpasti sebagai keutamaan berdasarkan kapasiti semasa negara?
 - 5) **[PT022] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jumlah dan sebab utama penutupan perniagaan tempatan mengikut sektor dan tempoh operasi? Bagaimanakah maklumat ini digunakan bagi memperbaiki dasar sokongan, agar tidak hanya tertumpu kepada penubuhan perniagaan baharu?
 - 6) **[PT023] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah penilaian kementerian berkenaan kelewatan pembayaran kerajaan dan kesannya terhadap aliran tunai perusahaan tempatan? Bagaimanakah perkara ini boleh diperbaiki bagi mengelakkan tekanan kewangan yang menjejaskan kelangsungan perniagaan kecil dan sederhana?
 - 7) **[PT027] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah antara kemajuan terbaru dalam usaha mempelbagaikan ekonomi serta pendekatan baru yang dirancang bagi mempantaskan usaha mempelbagaikan ekonomi ini?

-
- 8) **[PT029] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II** menyatakan bagaimanakah kementerian menyediakan pegawai diplomat negara dengan kemahiran diplomasi (*diplomatic skills*) bagi mengemudi urusan diplomatik negara? Ini mengambilkira pergolakkan politik dunia yang semakin mencabar dan berlakunya perubahan dalam *strategic alliances* di antara negara-negara kuasa besar.
- 9) **[PT015] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perancangan untuk memanfaatkan aset-aset terbiar sebagai tapak bagi menjana ekonomi setempat seperti Pusat Belia, kemudahan 1K1P atau ruang kerja bersama agar memberi manfaat langsung kepada masyarakat?
- 10) **[PT024] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan usaha kementerian dalam penyelenggaraan dan penaiktarafan pos kawalan sempadan termasuk pemantauan kerja penyelenggaraan, pengurusan dan pelupusan bangunan lama? Apakah petunjuk prestasi yang digunakan bagi memastikan hasilnya selaras dengan fungsi keselamatan dan imej negara?
- 11) **[PT014] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan kerjasama bersepadu antara agensi-agensi untuk mengenal pasti kawasan tertentu di Kampung Ayer untuk dipelihara sebagai kawasan warisan budaya bagi pemeliharaan dan penghayatan pengalaman kehidupan tradisional?
- 12) **[PT018] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan penilaian kementerian terhadap pulangan sebenar ekonomi (*economic return*) bagi sektor pelancongan negara? Sejauh mana dasar sedia ada berupaya meningkatkan visitor spend, tempoh tinggal dan nilai rantai tempatan, berbanding kepada meningkatkan angka ketibaan semata-mata?

-
- 13) **[PT019] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada tren penurunan pencapaian industri perikanan daripada BND3.87 juta (tahun 2023) kepada BND2.83 juta (tahun 2024), dan apakah perancangan bagi menangani jurang pencapaian tersebut?
- 14) **[PT021] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan bagaimana mengimbangi antara objektif sekuriti makanan negara dengan keperluan keuntungan pengusaha pertanian? Apakah petunjuk prestasi yang digunakan untuk memastikan dasar pertanian tidak mewujudkan kebergantungan berpanjangan kepada sokongan kerajaan?